

DINAIK TARAF... Sungai Gombak (kiri) dan Sungai Klang di sekitar Masjid Jamek lokasi pertama projek Sungai Nadi Kehidupan.



Projek naik taraf pesisiran Sungai Klang, Sungai Gombak

Sungai cantik

>>Oleh Shuhada Mansor
darmansor@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Kawasan pesisiran Sungai Klang dan Sungai Gombak khususnya sekitar Masjid Jamek, di sini, yang menjadi 'port' lepak bagi warga asing bakal muncul sebagai lokasi pelancongan bertaraf

dunia menerusi pelaksanaan projek Sungai Nadi Kehidupan tidak lama lagi.

Projek yang dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak itu bukan saja bakal merubah persekitaran serta wajah ibu kota, malah meletakkan Kuala Lumpur setanding bandar raya terunggul lain seperti London, Paris, Melbourne dan Amsterdam yang terkenal dengan jalan airnya yang ikonik di mata dunia.

>LIHAT MUKA 2

Ikon tepian air

Projek bakal tarik lebih ramai pelancong kenali sejarah ibu kota

Peranan jabatan yang terbabit dalam projek Sungai Nadi Kehidupan:



1. Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP) - Menaik taraf kemudahan pembetulan sedia ada bagi mengurangkan pencemaran Sungai Klang
2. Jabatan Saliran dan Pengurusan Sungai (JSPS) DBKL - Memasang loji rawatan sisa air di lima pasar basah bagi mengurangkan sampah dan pencemaran
3. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor dan JSPS DBKL - Memasang perangkap sampah tambahan bagi menjamin kualiti air
4. JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Menggunakan kolam tahanan air untuk membuang pencemaran daripada pembetulan dan air basuhan
5. Pejabat Menteri Besar Selangor dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) - Mengurangkan pencemaran berpunca daripada perumahan setinggan yang mampu mengurangkan sisa dan pencemaran di Sungai Klang
6. Bahagian Pengurusan Banjir JPS - Melaksanakan pelan induk pengurusan air bah dan saliran untuk menaik taraf sistem saliran
7. Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai dan Zon Pantai JPS - Mengkaji sistem hidrologikal dan pemulihan bagi mengawal aliran air
8. Bahagian Saliran Mesra Alam JPS - Mempromosi, menguatkuasa dan menguruskan pembersihan sungai dan kesihatan bagi hakisan kesan pembangunan
9. Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) - Mempromosi, menguatkuasa dan menguruskan pembersihan sungai dan kesihatan bagi restoran, bengkel dan premis perniagaan lain
10. Jabatan Alam Sekitar (JAS) - Mempromosi, menguatkuasa dan menguruskan pembersihan sungai dan kesihatan bagi industri yang menghasilkan sisa air
11. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) - Mempromosi, menguatkuasa dan menguruskan pembersihan sungai dan kesihatan bagi pelupusan sampah am

>DARI MUKA 1

Tinjauan Metroplus di kawasan terbabit dan sekitarnya mendapati ketika ini pesisiran sungai berkenaan dimonopoli warga asing yang berpelesenan, menjadikan suasana di situ kurang selesa untuk orang ramai lebih-lebih lagi pelancong.

Suasana itu menyebabkan pelancong lebih tertumpu ke kawasan lebih selamat dan selesa seperti Bangunan Sultan Abdul Samad dan Daratan Merdeka.

Bagi penduduk, Roslan Sanip, 52, projek itu tidak hanya memberi kebaikan kepada masa depan ibu kota, malah mampu mendedahkan masyarakat mengenai sejarah bandar raya ini yang kurang diketahui umum.

“Daripada pengalaman saya, ramai anak muda kurang faham mengenai asal-usul Kuala Lumpur dan projek ini diharap menarik mereka untuk datang ke sini, sekali gus menimba ilmu sejarah kawasan ini.

“Diharap apabila projek ini siap, ia menjadi ikon pelancongan baru untuk Malaysia, sekali gus menjana ekonomi masyarakat menerusi perniagaan yang dijalankan di sekitarnya,” katanya ketika ditemui.

Pelancong dari Sweden, Mathew Fox, 29, mengakui kawasan itu tidak begitu menarik untuk dikunjungi me-

mandangkan ia sungai biasa dengan dipenuhi orang ramai yang melepak.


Justeru, dia percaya kejayaan projek ini akan menarik lebih ramai pelancong bagi melihat jalan air yang kini terdapat di negara maju terutama Amsterdam.

“Saya tidak sabar menanti projek ini siap dan akan berkunjung lagi ke sini (Malaysia) untuk menyaksikan keindahan sungai ini berbanding apa yang saya lihat sekarang,” katanya.

Sementara itu, jurucakap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), berkata projek pengindahan Sungai Klang di Fasa 1 atau Presint 7 di kawasan Masjid Jamek akan menjadi lokasi pertama untuk dibangunkan di bawah projek itu memabatkan tiga komponen utama dalam projek itu ialah pembersihan, pengindahan dan pembangunan koridor sungai.

Katanya, pengkhususan projek itu akan menjadikan sungai berkenaan sebagai ikon kawasan tepian air (waterfront) negara memabatkan jarak sungai sepanjang 10.7 kilometer dalam kerangka projek Greater Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Baru-baru ini, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail menjelaskan projek itu secara keseluruhannya menelan belanja RM1 bilion dengan jumlah terbabit dikhususkan

Projek Sungai Nadi Kehidupan



bagi mencantikan sungai selain RM3 bilion untuk kerja pembersihan sungai.

Menurutnya, antara pelan yang bakal dilaksanakan termasuk menambah baik laluan pejalan kaki, membersihkan sungai, menanam lebih banyak pokok selain memasang kamera litar tertutup

(CCTV) di sekitar bandar raya selain memperkenalkan laluan air untuk warga kota.

Bagi merealisasikan hasrat itu, DBKL melantik Aecom Perunding Sdn Bhd bagi menguruskan pelan utama projek selain menjalankan kerja pengindahan koridor sungai seperti yang dinyatakan.

